



## GSM-UPM Bakal Lahir Pengurus Berwibawa



*Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin menyempurnakan upacara pecah tanah bangunan baharu GSM-UPM. Turut hadir ialah Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dato' Lee Shin Cheng (kanan sekali).*

**SERDANG, 22 Feb** - Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (GSM-UPM) perlu melahirkan lebih ramai bakal pengurus yang berwibawa mengikut keperluan negara.

Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin berkata dalam sasaran KPI Top Business School, GSM-UPM perlu memastikan pengambilan pelajar yang berkualiti sama ada dari dalam negara atau luar negara.

"Pelajar sasarannya perlu menarik kumpulan pengurusan pertengahan dan atasan daripada sektor kerajaan atau syarikat ternama antarabangsa.

"Dengan pembinaan bangunan baharu ini, GSM-UPM perlu terus berusaha mencapai status top business school di peringkat antarabangsa agar melahirkan lebih ramai graduan berkualiti.

"Mengikut perancangan GSM-UPM perlu mempunyai pelajar pada kadar 60% tempatan dan 40% antarabangsa tetapi pada masa kini pelajar antarabangsanya sebanyak 10% dan usaha perlu dipertingkatkan untuk mencapai sasaran itu," katanya ketika merasmikan majlis pecah tanah pembinaan bangunan baharu GSM-UPM di sini.

Beliau berkata usaha itu boleh dijayakan dengan pelantikan pensyarah terkemuka dari dalam atau luar negara sebagai tenaga akademik sepenuh masa.

Katanya penyerapan tenaga akademik antarabangsa yang terkemuka dalam bidang pengurusan juga dapat membantu ahli akademik tempatan mendapatkan bimbingan dan pemindahan teknologi supaya kepakaran dapat dipertingkatkan.



*Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin mendengar taklimat struktur bangunan GSM-UPM daripada Ar. Prof. Madya Mohd Razali Mahyudin dari Fakulti Rekabentuk dan Senibina (dua dari kiri).*

Dato' Seri Khaled turut menyeru agar GSM-UPM berusaha mendapatkan pengiktirafan dari agensi antarabangsa termasuk The Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB), The Association of MBAs (AMBA), The European Quality Improvement System (EQUIS) dan badan-badan profesional lain dalam bidang pengurusan dan perniagaan.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata dengan pengiktirafan yang diberikan Kementerian Pengajian Tinggi, GSM berpeluang membina sebuah bangunan baru di tanah seluas 25 ekar dengan kos RM21 juta.

"Pembinaan ini menerapkan ciri-ciri teknologi bangunan hijau dapat menjamin persekitaran yang selamat, sihat dan selesa," katanya.

Beliau berkata GSM-UPM mensasarkan jumlah pelajar seramai 2,000 menjelang 2015 berbanding 1,000 pelajar pada masa kini.

Katanya lagi GSM-UPM telah merangka dan menawarkan pengkhususan baru bagi program Master Pentadbiran Perniagaan iaitu Pengurusan Alam Sekitar, Pengurusan Pertanian, Pengurusan Perkhidmatan Makanan, Teknologi Makanan, Pengurusan Tanah dan Keusahawanan Bioteknologi dalam usaha menjadi Peneraju Dunia dalam Pertanian Tropika Baharu.

Bangunan baharu GSM-UPM yang mendapat sentuhan Arkitek Perunding, Azhar Azhari dibahagikan kepada 3 bahagian, iaitu pentadbiran, keperluan pelajar dan kemudahan fasiliti terletak berhampiran pintu masuk UPM-Silikon.

GSM-UPM telah dipilih sebagai salah sebuah daripada dua 'Malaysia's Top Business School' (MTBS) yang dirasmikan oleh Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin pada 2 Disember 2008 berdasarkan kualiti, prestasi dan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran serta kejayaan GSM-UPM meraih pengiktirafan antarabangsa sepanjang lebih sepuluh tahun penubuhannya sejak 1997.



*Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin ketika memberi ucapan perasmian di UPM.*

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Ili Syazwani Zahimi 03-89466013).**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia